

Headline	TNB fokus manfaat teknologi digital		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 May 2018	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Bisnes	Page No	67
ArticleSize	206 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 24,345		



TNB fokus manfaat teknologi digital

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) akan memanfaatkan teknologi, menawarkan perkhidmatan berkaitan tenaga dan meningkatkan kecekapan dalam memperkuuh pengalaman pelanggan serta ke-

untungan domestiknya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Seri Azman Mohd berkata, aktiviti kumpulan bertumpu kepada usaha memperbaikkan pengalaman pelanggan melalui inisiatif teknologi seperti meningkatkan kehadiran segmen digital.

Beliau berkata, pihaknya akan menaik taraf pusat panggilan sebagai usaha memberi khidmat kepada pelanggan serta bekerjasama dalam kalangan kumpulan TNB dan rakan luar mengenai kemungkinan menyediakan perkhidmatan berkaitan tenaga.

"Perkhidmatan ini dijangka mampu meningkatkan keuntungan domestik kami sementara kecekapan perkhidmatan pelanggan terus di-

tingkatkan apabila kumpulan menyelesaikan pemisahan entiti perkhidmatan pelanggan pada 2018.

"Kumpulan turut mengamalkan teknologi baru dan pendekatan untuk operasi grid. Pada masa sama kami memperbaiki pengurusan aset dan memperluaskan penggunaan penyelesaian mobiliti," katanya di sini, semalam.

Azman berkata, TNB merancang mulakan penerapan penyelesaian mobiliti bagi saluran kuasa dan pengurusan aset kabel di Semenanjung menjelang suku ketiga 2018.

Azman berkata, kumpulan akan meneroka pengambilalihan antarabangsa yang berpotensi tinggi iaitu solar dan angin.

"Kami meninjau mendapat pengambilalihan aset boleh diperbaharui antarabangsa dan secara aktif me-

ngambil bahagian dalam bidang ladang hijau (green-field) sejak 2016," katanya.

Selain itu, TNB akan menganjurkan persidangan dwitahunan Industri Bekalan Kuasa Elektrik (CEPSI) 2018 dari 17-22 September depan di Kuala Lumpur yang menampilkan penceramah termukur dari seluruh dunia.

"Kami bangga menjadi tuan rumah pemimpin utiliti dan pakar industri tenaga pada persidangan dengan tema *Reimagining Utility of the Future*.

"Tema ini mendasari realiti semasa bagaimana industri bekalan elektrik berubah sebagai tindak balas kepada pelbagai perubahan yang mempengaruhinya pada masa kini," katanya.

TNB menganjurkan edisi ke-22 Persidangan CEPSI itu sebagai mewakili AESIEAP. Kali terakhir TNB menganjurkan CEPSI ialah pada 1996.



AZMAN